



13 Oktober 2014  
13 October 2014  
P.U. (A) 272

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PEMBEKALAN BERKADAR SIFAR) 2014

### *GOODS AND SERVICES TAX (ZERO-RATED SUPPLY) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN  
(PEMBEKALAN BERKADAR SIFAR) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 17 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 13 Oktober 2014.

**Tafsiran**

2. (1) Dalam Perintah ini—

“kapal” termasuklah tiap-tiap perihalan vesel yang digunakan dalam navigasi yang tidak digerakkan oleh dayung sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 termasuk apa-apa vesel yang dimiliki atau dikendalikan oleh kerajaan suatu negara asing tetapi tidak termasuk apa-apa vesel yang direka bentuk atau disesuaikan bagi rekreasi, keseronokan atau selain pengangkutan tambang muatan atau pengangkutan penumpang.

“pembekal telekomunikasi” ertinya seseorang yang aktiviti utamanya adalah pembekalan perkhidmatan telekomunikasi.

“perkhidmatan telekomunikasi” ertinya pemancaran, pancaran atau penerimaan, dan pemindahan atau penyerahhakan hak untuk menggunakan kapasiti bagi pemancaran, pancaran atau penerimaan isyarat, tulisan, imej, bunyi atau apa-apa jenis maklumat dengan kabel wayar, radio, sistem optik atau elektromagnet lain, atau dengan suatu sistem teknikal yang serupa.

“pesawat udara” termasuklah apa-apa pesawat udara yang dimiliki atau dikendalikan oleh kerajaan suatu negara asing yang tidak digunakan atau tidak bertujuan untuk digunakan bagi rekreasi atau keseronokan.

(2) Bagi maksud Perintah ini, seseorang hendaklah dikira tempatnya di sesuatu negara jika—

- (a) dia mempunyai tempat tinggal biasanya di negara itu jika pembekalan dibuat kepadanya sebagai seorang individu dan diterima olehnya selain bagi maksud apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya; dan
- (b) dalam hal jika perenggan (a) tidak terpakai—
  - (i) dia mempunyai suatu establismen perniagaan atau establismen tetap di negara itu dan tiada establismen sedemikian di tempat lain;
  - (ii) dia tidak mempunyai establismen perniagaan atau establismen tetap di mana-mana negara tetapi tempat tinggal biasanya ialah di negara itu; atau
  - (iii) dia mempunyai establismen perniagaan atau establismen tetap di kedua-dua negara itu dan di tempat lain dan establisemennya yang paling berkaitan secara langsung dengan pembekalan itu ialah di negara itu.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), suatu establismen tetap dalam mana-mana negara termasuklah suatu cawangan atau agensi yang melaluinya seseorang menjalankan perniagaan dalam negara itu.

**Pembekalan berkadar sifar**

3. (1) Pembekalan barang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan pembekalan perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua ditentukan sebagai pembekalan berkadar sifar.

(2) Jika timbul apa-apa persoalan sama ada apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan tertentu termasuk atau tidak dalam Jadual Pertama atau Jadual Kedua, persoalan itu hendaklah diputuskan oleh Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

**Pengklasifikasian barang dalam Jadual Pertama**

4. Pengklasifikasian barang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah mematuhi Rukun tafsiran Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam 2012 [P.U. (A) 275/2012].

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 3]

PEMBEKALAN BARANG YANG DITENTUKAN SEBAGAI  
PEMBEKALAN BERKADAR SIFAR

1. Barang bagi apa-apa perihal sebagaimana dalam **Lampiran** kepada Perintah ini.
2. Ubat dan gas perubatan dalam Senarai Ubat Penting Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan diluluskan oleh Menteri dan dalam sukatan dos atau dalam bentuk bungkusan untuk jualan runcit.
3. Barang yang dibekalkan ke kawasan ditetapkan dari Malaysia selain kawasan ditetapkan.
4. Barang yang digunakan sebagai bekalan dalam pelayaran atau penerbangan ke atau dari suatu tempat di luar Malaysia atau sebagai barang dagangan untuk dijual secara runcit kepada orang yang dibawa atas suatu pelayaran atau penerbangan ke atau dari suatu tempat di luar Malaysia dalam suatu kapal atau pesawat udara.
5. Barang untuk kegunaan sebagai barang ganti kapal dalam suatu pelayaran atau penerbangan ke atau dari suatu tempat di luar Malaysia.
6. (1) Pembekalan air yang dirawat oleh seseorang yang dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] kepada pengguna domestik tidak kira penggunaan minimum atau tiada penggunaan.  
(2) Pembekalan air yang dirawat tidak termasuk air yang disuling, air tidak terion, air beroksigen dan air mineral.
7. Pembekalan 300 unit pertama elektrik kepada pengguna domestik tidak kira penggunaan minimum atau tiada penggunaan bagi suatu tempoh minimum dua puluh lapan hari untuk satu kitaran pembilan.
8. Pembekalan bahan mentah dan komponen yang dibuat kepada seseorang yang yang tempatnya di suatu negara selain Malaysia bagi perawatan dan pemprosesan barang oleh mana-mana orang kena cukai di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan.